



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

حياتنا خير الحيات والاعمال اكمل الاعمال وسلامتك حيا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

03 SYAABAN 1444H / 24 FEBRUARI 2023M

KORBAN NAFSU BERBELANJA HADAPI INFLASI, RESESI

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : ...20...02...2023

PEGAWAI PENYEMAK : ...M.

MOHD ZARATKHAN ABD RAHMAN

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 22/02/2023

DIBACA PADA : 24/02/2023

DILULUSKAN OLEH:

BAHARUDIN HJ. ALWI

Ketua Pengerang Pengerang
Bahagian Penyelidikan & Informasi

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang
cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH JUMAAT
KORBAN NAFSU BERBELANJA HADAPI INFLASI, RESESI

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ

الْمُحْسِنِينَ ١٩٥ (سورة البقرة (2) : 195)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَي سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ

تُرْحَمُونَ .

SIDANG JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!

Pada kesempatan ini, sebagai khatib saya berpesan kepada diri sendiri dan hadirin sekalian agar bertakwalah kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, dalam erti kata menjunjung segala titah perintah Allah SWT dan meninggalkan segala yang ditegah-Nya setulus hati. Mengingat bahawa keadaan ekonomi masih dalam proses pemulihan dan kadar inflasi yang masih mencengkam rakyat, maka mimbar hari ini akan memperkatakan khutbah yang bertajuk **“Korban Nafsu Berbelanja Hadapi Inflasi, Resesi.”**

SAUDARA MUSLIMIN SEKALIAN!

Sayugia diketahui bahawa budaya berbelanja mewah semakin menular dalam masyarakat Islam di negara kita. Ia antara lain disumbangkan oleh persepsi bahawa kononnya hidup mewah pada zaman serba maju dan canggih ini suatu kemestian dan lambang kebanggaan. Lantaran itu, ramai yang dililit hutang keliling pinggang akibat terlepas pandang aspek mengukur baju di badan sendiri sewaktu berbelanja atau membeli-belah.

Dan, tren berbelanja mewah dijangka sukar dibendung dengan mengambil kira kewujudan pelbagai tawaran skim pinjaman mudah yang secara langsung dan tidak langsung menjadi pemangkin kepada budaya berhutang di kalangan masyarakat. Budaya ini bukan sahaja menyerang golongan berpendapatan tinggi, bahkan mereka yang berpendapatan rendah pun turut terheret sama berbelanja di luar kemampuan sebenar. Apatah lagi menjelang perayaan mahupun meraikan pesta hari jadi, ada yang cenderung berbelanja mewah hanya kerana ingin menjadikan majlis yang diadakan kelihatan meriah dan *trending*.

Pada hal, tabiat berbelanja sesuka hati atau berlebih-lebihan berpotensi menjebakkan masyarakat ke lembah kemuflian selain menyemarakkan budaya boros dan membazir. Dengan kata lain, tabiat berbelanja mewah tanpa batasan adalah bertentangan dengan etika Islam berpandukan kepada firman Allah di dalam surah al-Israa', ayat 26-27:--

وَعَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرْ تَبْذِيرًا ۚ ۲۶ إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ
كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ۖ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ ۚ كَفُورًا ۚ ۲۷

Yang bermaksud: "Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya." (QS. al-Isra' (17): 26 & 27).

PARA JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT!

Pada prinsipnya tujuan asas berbelanja atau membeli adalah untuk menyara hidup. Justeru, dalam soal urusan perbelanjaan, Islam menuntut umatnya supaya lebih berhemah. Berhemah dalam erti kata membeli sesuatu yang perlu mengikut keperluan dan kemampuan. Setiap sen yang dibelanjakan haruslah berbaloi atau memberi manfaat dan bukannya memberi mudarat.

Setiap perbelanjaan harus berasaskan kepada keperluan sebenar dengan mengambil kira tujuan serta manfaat barangan yang dibeli. Kalau sesuatu barangan itu dibeli hanya untuk memperlihatkan kemewahan atau sengaja menunjuk-nunjuk status sosial, maka ia tidak dianggap sebagai perlu. Demikian juga kalau sesuatu barang itu masih boleh digunakan seperti peralatan elektrik dan perabot misalnya, maka tiada keperluan yang mendesak untuk menggantikannya dengan yang baharu. Kecuali kalau sesuatu barang gunaan harian tidak lagi boleh digunakan atau rosak seperti pakaian, pinggan mangkuk, periuk belanga dan sebagainya, maka ada kewajarannya untuk menggantikannya dengan yang baharu.

Tegasnya, umat Islam hendaklah berhemah dalam urusan perbelanjaan dengan mengamalkan kesederhanaan walaupun mampu dari segi kewangan. Amalan ini sejajar dengan panduan yang telah digariskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang terakam dalam surah al-Furqan, ayat 67:--

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ٦٧

Yang bermaksud: "Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampau batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu." (QS. al-Furqaan (25): 67)

HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA!

Berdasarkan kepada mafhum firman Allah tersebut, berhemah dalam urusan perbelanjaan harian juga menuntut tindakan mengorbankan nafsu berbelanja berlebih-lebihan dan melampau. Amalan ini selain berupaya mengelakkan diri daripada terjebak dengan tabiat berbelanja secara boros dan membazir, ia juga merupakan langkah berjimat cermat dalam menghadapi inflasi dan resesi ekonomi global. Ini berikutan dengan jangkaan bahawa kedudukan inflasi dan ekonomi terus tidak menentu akibat peperangan yang masih berkecamuk di wilayah timur Eropah, bencana alam yang silih berganti melanda beberapa negara selain kekurangan bekalan bagi produk-produk tertentu yang berpunca daripada faktor permintaan melebihi penawaran.

Dengan mengambil kira perkara tersebut, maka budaya berbelanja sewajarnya mengikut landasan islami, bukannya mengikut selera hawa nafsu sendiri. Setiap perbelanjaan kita harus menjurus ke arah jalan kebajikan dan bermanfaat, bukan perbelanjaan yang mengundang kerugian dan laknat Allah SWT. Prinsip ini selaras dengan hakikat bahawa setiap rezeki serta apa jua nikmat adalah anugerah Allah. Maka, sudah sepatutnyalah kita belanjakan atau gunakan segala kurniaan Allah itu secara berhemah pada jalan yang diredhai-Nya sejajar dengan saranan Allah SWT dalam surah al-Hadid, ayat 7:--

ءَامِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ؕ وَأَنْفِقُوا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُسْتَخْلِفِينَ فِيهِ ۗ فَالَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَأَنْفَقُوا لَهُمْ أَجْرٌ كَبِيرٌ ۗ

Maksudnya: "Berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian dari harta benda (pemberian Allah) yang dijadikannya kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian dari harta itu pada jalan Allah); mereka tetap beroleh pahala yang besar." (QS. Al-Hadid (57): 7).

Sehubungan itu, berbelanja berdasarkan pendapatan dan kemampuan, bukan berdasarkan pesona iklan dan kemahuan. Ia penting sebagai upaya mengelakkan diri daripada bebanan hutang dan gejala hidup mewah sementara yang mengundang sengsara. Langkah ini Insya Allah, dapat menjamin kebahagiaan keluarga dan kesejahteraan masyarakat.

Sebagai kesimpulannya saudara Muslimin sekalian, amalkanlah perbelanjaan berhemah dengan menerapkan kesederhanaan, iaitu tidak bersifat bakhil mahupun boros dalam setiap urusan perbelanjaan. Istiqamahlah untuk mengorbankan nafsu keghairahan untuk berbelanja mewah sama ada dalam waktu senang mahupun dalam waktu susah dan kegawatan ekonomi. Sesungguhnya Allah mengasihani orang yang berusaha memperbaiki amalannya yang merangkumi usaha mengekang diri daripada tunduk membuta tuli kepada kehendak hawa nafsu. Firman Allah:--

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ ۖ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَىٰ ۖ فَاِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَىٰ ۙ

Maksudnya: "Adapun orang yang takutkan keadaan semasa ia berdiri di mahkamah Tuhannya, (untuk dihitung amalnya), serta ia menahan dirinya dari menurut hawa nafsu, -Maka sesungguhnya syurgalah tempat kediamannya." (S. an-Nazi'at (79): 40 & 41)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِبَائَكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ
عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي فِدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ وَفَخَّامَةِ
الرَّيِّسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعْظُمُ لِعَظْمِكُمْ تَذَكُّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan,
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am, JHEAINS
Tel: 088-522127/ jheains.penerbitan@gmail.com